

04 DEC 1999

Annuar-Hukum

JANGAN HUKUM RAKYAT KELANTAN KERANA BN KECEWA KALAH

KOTA BAHARU, 4 Dis (Bernama) -- Jentera dan pemimpin Barisan Nasional (BN) Kelantan tidak perlu terlalu kecewa dengan kekalahan dalam pilihan raya umum Isnin lepas sehingga mendesak supaya Kerajaan Pusat menghukum rakyat Kelantan, kata Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa.

Katanya semua peringkat jentera dan pemimpin parti perlu melihat keputusan yang telah dibuat oleh rakyat Kelantan dalam konteks yang lebih luas kerana pilihan raya umum akan diadakan semula lima tahun lagi dan undi rakyat Kelantan akan diperlukan.

"Yang lebih penting ialah untuk kita melihat ke dalam Umno dan BN sendiri dan kepada punca-punca utama kekalahan kita untuk kita memandang ke depan dan meningkatkan kekuatan parti," katanya pada persidangan berita di kediamannya di Peringat dekat sini petang ini.

Menurutnya dalam konteks yang lebih luas, BN perlu melihat Kelantan, Terengganu dan Pahang secara bersama dan tidak boleh lagi menganggap bahawa PAS hanya menjadi masalah Kelantan semata-mata.

Annuar berkata sikap kerajaan yang terlalu liberal terhadap jentera PAS seperti fitnah oleh akhbar rasmi parti itu, Harakah, dan jentera parti terbabit yang mengadakan rapat umum bagi menyebarkan fitnah telah menjejaskan Umno.

Annuar, Menteri Pembangunan Luar Bandar yang tewas kepada calon Keadilan Muhamad Mustapha di kawasan Parlimen Peringat, berkata jelas bahawa PAS telah melanggar undang-undang tetapi kerajaan terlalu bertoleransi terhadapnya.

"Rapat umum tidak dibenarkan tetapi kita biarkan PAS menggunakan perhimpunannya untuk sebar fitnah terhadap kita," katanya, yang mengibaratkan BN mengikat tangannya sendiri sedangkan pada masa yang sama PAS berleluasa melakukan apa yang tidak mampu dibalas balik oleh BN.

Beliau juga menyarankan supaya pertandingan bagi perebutan jawatan dalam Umno sendiri jangan diadakan lebih kerap daripada tempoh pilihan raya umum iaitu lima tahun sekali, yang menurutnya kekerapan pertandingan dalam parti boleh melemahkan parti.

Selain itu beliau berkata Umno juga memerlukan lebih banyak aktivis yang menjalankan kerja-kerja parti di peringkat bawah dan tidak terlalu bertumpu membuat kerja-kerja kerajaan.

Beliau memberi contoh kegagalan Umno untuk menarik minat generasi muda sebagai satu bukti ketidakupayaan Umno untuk mengesan sentimen yang bergelora di kalangan pengundi muda.

Oleh itu Umno dan BN perlu terus menerus mendampingi rakyat walaupun telah kalah di Kelantan dan para pemimpin tidak boleh mengabaikan mereka, katanya.

Mengenai penemuan lebih 1,000 undi pos bagi Parlimen Peringat yang tidak sampai ke pusat pengiraan undi dan tidak dikira, beliau belum memutuskan untuk mengambil tindakan dan hanya akan memutuskannya secepat menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MNY LAT